

## AKAL BUDI MELAYU DALAM MANTERA: ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF

HAWA MAHFUZAH RUSIDIN  
*hawamahfizah\_rusidin@rocketmail.com*

ZULKIFLEY BIN HAMID  
*zulkifley@ukm.edu.my*

### ABSTRAK

Metafora merupakan satu konsep yang abstrak dan tidak dapat dilihat di alam nyata kerana ia memerlukan penelitian dalam proses pemahaman melalui pemikiran dan pengalaman hidup seseorang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis metafora konsepsi, menganalisis akal budi Melayu dan memetakan gambaran skema imej yang terdapat dalam mantera yang dikaji. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik kognitif yang melibatkan dua daripada lima jenis *Idealized Cognitive Models* (ICM), iaitu metafora konsepsi dan skema imej yang telah diperkenalkan oleh Lakoff. Perbincangan dilanjutkan dengan menganalisis akal budi masyarakat Melayu yang terdapat dalam data mantera yang dikaji berdasarkan metafora konsepsi yang dikenal pasti. Berdasarkan pendekatan yang digunakan, hasil kajian mendapati tiga jenis metafora konsepsi sememangnya wujud dalam mantera Melayu yang terkandung dalam buku *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Metafora konsepsi struktural mencatatkan bilangan paling tinggi kerana bahasa yang terdapat di dalam mantera tersebut kebanyakannya mempunyai item-item yang berstruktur dan sejajar dengan pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh seseorang. Pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan mantera kebanyakannya memberi perumpamaan kehidupan mereka daripada alam sekeliling. Selain itu, empat jenis skema imej telah dikenal pasti supaya pemetaan gambaran abstrak atau konkrit sesuatu emosi atau perasaan mahupun perbuatan yang terdapat dalam mantera Melayu itu dapat difahami dengan lebih jelas.

**Kata kunci:** akal budi; mantera; metafora konsepsi; semantik kognitif; skema imej

### MALAY THOUGHTS IN MANTRA: COGNITIVE SEMANTICS ANALYSIS

#### ABSTRACT

Metaphor is an abstract concept and difficult to be viewed in the real world because it requires thorough research, and usually can only be understood well through life's experiences. This study tries to identify the types of metaphors' conception, and analyzes them from the worldview of Malay mind. This study used cognitive semantic approach that involves two of the five types of idealized Cognitive Models (ICM), a metaphorical conception and scheme of the image which has been introduced by Lakoff. The discussions will be continued with analyzing the Malay mind found in the data from the mantras identified by the researcher. Based on the approach used, the study had found that there are three types of conceptual metaphors inherent in the Malay mantras contained in the book *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Structural conceptual metaphor was to be recorded as the highest number of usage that is found

to be consistent with the typical Malay life experiences. Malay thoughts are resembled in the mantras indicate that Malay metaphors are paralleled with their life environment. In addition, four types of schemes have been identified so the mapping of abstract and concrete image or their feeling can be understood.

**Keywords:** thoughts; mantra; conceptual metaphors; cognitive semantics; schematic image

## PENGENALAN

Bahasa dianggap sebagai paparan tingkah laku dan jiwa penutur dan seterusnya menggambarkan akal budi penutur bahasa tersebut. Makna yang terdapat pada bahasa Melayu bukan sahaja terhad kepada makna tersurat tetapi juga makna tersirat. Berdasarkan gurindam, peribahasa dan puisi yang dihasilkan oleh pujangga dahulu pasti penuh dengan falsafah yang boleh dirungkai maksudnya melalui 'mata hati'. Mantera juga tidak kurang hebatnya dalam menggunakan bahasa untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Menurut Herman (1987) mantera terdiri daripada kata-kata yang mempunyai kekuatan ghaib sehingga dapat berhubung dengan kuasa luar biasa dan bersifat sakral dengan orang yang berwibawa seperti bomoh. Mantera juga dilihat mempunyai falsafah yang tersendiri apabila dirungkai maksud yang tersirat dalam mantera tersebut. Mantera biasanya digunakan oleh bomoh atau pun pawang yang penyebutannya boleh menimbulkan kuasa ghaib (Azlina Musa & Yusmilayati Yunos, 2011).

Akal budi yang terdapat dalam mantera boleh dijelaskan apabila seseorang pengkaji mampu untuk mengaplikasikan sesuatu pendekatan atau teori yang ampuh untuk melihat maksud dan falsafah yang tersirat dalam sesebuah mantera. Hal ini membuktikan bahawa wujudnya makna tersirat di sebalik mantera dan inilah dasar bagi pengkaji untuk memahami akal budi Melayu. Unsur bahasa yang tersirat ini telah menarik perhatian sarjana barat untuk terus mengkajinya meskipun terdapat banyak penggunaan bahasa tersirat seperti peribahasa, puisi dan mantera yang menjadi teras pemikiran masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, makna yang terdapat dalam pemikiran individu adalah berbeza dengan individu lain. Hal ini kerana sesuatu makna itu tertakluk kepada pengalaman individu dan juga pengalaman kolektifnya. Oleh itu, kajian berkaitan pentafsiran makna perlu dilihat pada bidang semantik.

Perkataan semantik berasal daripada bahasa Yunani 'sema' yang bermaksud sesuatu tanda (*signs*). Pendekatan semantik kognitif merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam bidang semantik dan berasaskan pengalaman yang mengambil kira pengalaman lepas dan juga alam sekeliling. Kenyataan Lakoff (1987) mengenai semantik kognitif memperlihatkan bahawa kehidupan manusia memiliki hubungan yang erat dengan ungkapan bahasa yang dituturkan. Hal ini menunjukkan bahawa setiap makna yang bermain dalam akal manusia dapat dicerminkan daripada pengalaman lepas yang pernah dilalui serta interaksinya dengan dunia luar. Lakoff juga menyatakan bahawa struktur konseptual sebagai *Idealized Cognitive Models* (ICM). ICM ini terdiri daripada lima jenis yang asas iaitu skema imej, metafora, metonimi, proposisi, dan simbolik. Kelima-lima jenis ICM ini akan digunakan untuk memahami sesuatu makna. Caranya adalah dengan mengaitkan sesuatu ungkapan itu secara langsung dengan salah satu ataupun menggunakan kesemua ICM tersebut melalui pengalaman yang sedia ada pada individu tersebut. Melalui cara ini, gaya pemikiran seseorang berkaitan alam sekeliling akan dapat ditentukan lalu diterjemahkan dalam penggunaan bahasa (Black, 1962).

## KAJIAN LEPAS

Metafora digambarkan sebagai unsur-unsur yang adakalanya tidak disebut secara eksplisit. Metafora juga dikenali sebagai perbandingan langsung yang tidak menggunakan kata-kata 'seperti', 'bagai' dan lain-lain yang digunakan oleh seseorang untuk menggambarkan pemikiran manusia yang pelbagai. Namun, dengan lahirnya pengkaji-pengkaji dalam bidang semantik kognitif dapat memberikan pengetahuan yang baharu dan lebih luas penerokaannya. Metafora yang disebut bidang semantik kognitif dikenali sebagai metafora konsepsi. Penerokaan kajian ini juga dapat menjelaskan ketersiratan makna yang terdapat dalam sesuatu ungkapan serta gambaran akal budi manusia. Antaranya kajian yang telah dilakukan Nor Hashimah, Anida dan Zaharani (2012), Imran Ho (2011), Asmah Hj Omar (1996), Kittay (1990), Haron Daud (1999), Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011).

Mohd. Taib Osman (1977) telah membuat kajian yang bertajuk *Perbomohan: Satu Aspek World-View dalam Kebudayaan Melayu* dan menyatakan bahawa terdapat tiga teras dalam pemikiran orang-orang Melayu iaitu anutan kepada keislaman, kepercayaan warisan animisme Hinduisme-Buddha dan pengetahuan empirikal bercorak pemikiran saintifik. Oleh kerana idea keislaman menduduki tempat teratas dalam konsep pemikiran Melayu, maka mereka sentiasa berusaha mengamalkan ibadah mengikut tuntutan agama dan ajaran agama tersebut tanpa sebarang bantahan. Kajian yang dilakukan ini juga memberi dimensi baharu terhadap kajian mantera yang sebelum ini yang hanya mengkaji bahasa mantera dari sudut diksi, kiasan, simbol, cara sebutan, rima, aliterasi, asonansi dan pengulangan kata seperti kajian oleh Haron Daud (1999). Pengkajian tersebut merangkumi aspek bahasa yang digunakan dalam mantera. Selain itu, kecenderungan yang sama juga terlihat dalam kajian yang dilakukan oleh Wan Shuaib (1980) yang banyak mengupas isu pemikiran Melayu daripada pelbagai sudut.

Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji menyatakan bahawa bahasa Melayu bukan menjadi penentu kepada pemikiran orang-orang Melayu tetapi hanya sebagai agen untuk orang-orang Melayu berkomunikasi. Pengkaji mendapati bahawa pemikiran orang Melayu dipengaruhi oleh alam sekitar, sejarah dan latar belakang dan juga agama yang dianuti, namun bukan disebabkan oleh bahasa. Bahasa sememangnya bertindak sebagai agen kepada manusia untuk berkomunikasi tetapi melalui bahasa juga kita dapat menilai cara seseorang itu berfikir dalam melontarkan pendapat. Berbeza dengan kajian ini, kerana kajian ini menerapkan pendekatan semantik kognitif dan seterusnya dapat melihat gambaran akal budi Melayu melalui pendekatan tersebut. Dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif juga, secara tidak langsung dapat menambahkan lagi bilangan kajian dalam bidang bahasa terutama dalam bidang semantik kognitif.

## OBJEKTIF

Tiga objektif telah dibentuk bagi membangunkan satu kajian yang baharu iaitu dengan mengenal pasti metafora konsepsi yang terdapat dalam mantera, menganalisis akal budi Melayu berdasarkan unsur metafora konsepsi dalam mantera dan seterusnya memetakan gambaran akal budi Melayu berdasarkan mantera yang mampu dijemakan melalui skema imej. Dalam pendekatan semantik kognitif, metafora tersebut dikenali sebagai metafora konsepsi. Metafora konsepsi merupakan satu bentuk mekanisme yang digunakan oleh manusia untuk memahami sesuatu yang abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Melalui bidang linguistik, metafora konsepsi

merupakan satu konsep teras dalam keupayaan manusia berbahasa khususnya memberikan makna kepada bahasa.

Skema imej dilihat mempunyai perkaitan yang rapat untuk menyampaikan maksud yang tersirat. Gibbs dan Steen (1997) dan Lakoff (1987) serta Lakoff dan Johnson (1980) telah menyatakan bahawa konsep skema imej sebagai satu skema pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat. Skema imej secara tidak langsung memainkan peranan sebagai sumber pemetaan metafora bagi sesuatu perkara yang abstrak. Oleh hal yang demikian, kajian yang melibatkan unsur metafora konsepsi dan skema imej ini dilakukan bagi melihat akal budi masyarakat Melayu berdasarkan penggunaan mantera. Hal ini kerana, mantera banyak menggunakan bahasa metafora dalam pembinaan struktur ayatnya seterusnya akan melahirkan pelbagai struktur ayat yang penuh dengan pelbagai makna dari sudut semantik. Selain itu, penggunaan mantera ada hubung kaitnya dengan kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu.

## **METODOLOGI**

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan semantik kognitif yang berteraskan pengalaman (*experientalist approach*), iaitu pendekatan yang mengambil kira pengalaman lampau serta alam sekeliling seseorang. Berdasarkan semantik kognitif menurut Rusmadi (2003), makna merupakan objek yang wujud dalam pemikiran kita (*meaning is embodied*). Hal ini bermaksud, apabila mengkaji makna, tujuan utama bukan mencari persamaan antara ujaran dengan dunia nyata, sebaliknya kajian tersebut berkenaan cara makna itu dimotivasikan oleh persepsi manusia berdasarkan pengalaman dan pergaulannya dengan dunia sekitarnya. Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada penelitian berkenaan tiga jenis metafora konsepsi yang terdapat dalam buku *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu* oleh Haron Daud (2004). Data mantera dipilih dengan menggunakan teknik persampelan sistematik. Berdasarkan teknik persampelan tersebut, sebanyak 100 data telah dipilih untuk dianalisis untuk melihat kewujudan unsur metafora konsepsi, melihat gambaran akal budi Melayu seterusnya menghasilkan skema imej berdasarkan mantera tersebut.

## **DATA KAJIAN**

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah memilih data daripada sebuah buku mantera Melayu untuk dianalisis. Buku yang telah dipilih adalah hasil pengumpulan mantera Melayu oleh saudara Haron Daud yang bertajuk *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*, terbitan tahun 2004 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Rasionalnya pemilihan buku tersebut sebagai data kajian adalah kerana buku ini telah menghimpunkan mantera Melayu dan mantera peribumi lain untuk tatapan pembaca. Buku ini juga berguna sebagai rujukan para pelajar, pengkaji bahasa dan masyarakat umum. Pembukuan mantera ini juga adalah sebagai usaha penulis bagi 'menyelamatkan' warisan nenek moyang bangsa Melayu. Terdapat beberapa kajian beliau yang telah dibukukan dan diterbitkan dalam jurnal. Haron Daud merupakan seorang pengkaji mantera yang tersohor dan telah berjaya mengumpulkan lebih 3200 buah mantera dalam pelbagai jenis dan dialek. Mantera yang dikumpulkan telah dibukukan, maka terhasillah sebuah wadah ilmu yang bertajuk *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Selain berjaya menghasilkan buku tersebut, beliau juga aktif dalam melakukan kajian berkaitan mantera. Antara kajiannya termasuklah kajian pada tahun 1999 iaitu *Bahasa dalam Mantera: Penggunaannya dan*

*Pengucapannya* yang telah dimuatkan dalam Jurnal Dewan Bahasa.

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan secara mendalam mengenai analisis aspek metafora konsepsi akal budi dan skema imej yang terdapat dalam mantra Melayu. Penganalisan data adalah berdasarkan objektif kajian iaitu dimulakan dengan mengenal pasti unsur metafora konsepsi yang terdapat dalam mantra. Seterusnya, menganalisis akal budi Melayu berdasarkan metafora konsepsi yang terdapat dalam mantra Melayu dan objektif yang terakhir iaitu memetakan gambaran akal budi Melayu berdasarkan mantra yang mampu dijemakan melalui skema imej. Aktiviti mengenal pasti unsur metafora konsepsi adalah berdasarkan teori metafora konsepsi yang telah diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson (1980). Menurut pelopor teori ini, terdapat tiga jenis unsur metafora konsepsi iaitu metafora konsepsi ontologi, metafora konsepsi orientasi dan metafora konsepsi struktural.

#### Jenis Metafora Konsepsi dalam Mantra

Menurut Lakoff dan Johnson (1980), terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang asas iaitu metafora konsepsi orientasi, metafora konsepsi ontologi dan metafora konsepsi struktural. Metafora konsepsi orientasi ialah berkonsepkan orientasi seperti dalam-luar, atas-bawah, buka-tutup, dan hadapan-belakang kepada domain bukan ruang. Metafora konsepsi ontologi pula merupakan pengkonseptualisasian benda yang abstrak seperti emosi, idea dan fenomena persekitaran yang menjadikannya seperti benda iaitu biasanya entiti, benda yang konkrit atau tempat. Metafora konsepsi struktural pula, mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain. Bilangan dan peratusan jenis metafora konsepsi dalam mantra dapat dirumuskan dalam jadual 1.

JADUAL 1. Bilangan dan Peratusan Jenis Metafora Konsepsi dalam Mantra

Jenis Metafora Konsepsi	Bilangan	Peratus (%)
Ontologi	8	32
Orientasi	2	8
Struktural	15	60
Jumlah	25	100

Terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang hadir dalam mantra iaitu metafora ontologi, orientasi dan struktural. Dalam jadual di atas, metafora yang paling kerap hadir dalam data mantra yang dikaji adalah metafora struktural diikuti oleh metafora ontologi dan seterusnya metafora orientasi. Metafora konsepsi merupakan satu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti yang bersifat abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain punca untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat 25 bilangan penggunaan metafora konsepsi daripada 100 data yang dipilih sebagai sampel data di dalam buku *Ulit Mayang: Kumpulan Mantra Melayu*. Data tersebut meliputi mantra pemanis, pengasih dan pembenci. Daripada jumlah tersebut, hampir sebahagiannya adalah diwakili oleh metafora konsepsi

struktural iaitu sebanyak 15 (60%) dan diikuti oleh metafora konsepsi ontologi sebanyak lapan (32%) serta metafora konsepsi orientasi sebanyak dua (8%). Metafora konsepsi struktural mencatatkan bilangan penggunaan yang paling tinggi disebabkan oleh penggunaan bahasa dalam mantera yang berhubungkait dengan metafora terutamanya metafora konsepsi struktural iaitu dengan penggunaan bahasa yang banyak berstruktur dengan pengalaman hidup manusia. Pengalaman hidup masyarakat Melayu diterjemahkan dalam mantera dengan penggunaan bahasa yang bersifat metafora iaitu penggunaan metafora konsepsi struktural.

Metafora konsepsi ontologi pula mencatatkan bilangan kedua tertinggi iaitu sebanyak 32%. Metafora konsepsi ontologi merupakan pengkonseptualisasian benda yang abstrak seperti emosi, idea dan fenomena persekitaran yang menjadikannya seperti benda iaitu biasanya entiti, benda yang konkrit atau tempat. Hal ini merujuk kepada masyarakat Melayu yang kurang memasukkan elemen emosi dalam pembacaan mantera. Pengamal mantera lebih bersifat rasional dalam aspek pertuturan mantera. Penggunaan bahasa yang berlandaskan kepada pemikiran yang rasional juga akan menjadikan pengamal mantera tersebut bijak menggunakan bahasa dalam pembacaan mantera. Sifat yang tersemat dalam diri masyarakat Melayu itu menyebabkan pengamal mantera kurang menggunakan bahasa yang bersifat emosi dalam pembacaan mantera.

Seterusnya, metafora konsepsi orientasi mencatatkan peratus paling rendah iaitu sebanyak lapan peratus. Metafora konsepsi orientasi merupakan konsep orientasi seperti dalam-luar, atas-bawah, buka-tutup, dan hadapan-belakang kepada domain bukan ruang. Dalam data mantera yang dikaji iaitu melibatkan mantera pemanis, pengasih dan pembenci pengamal mantera kurang menggunakan bahasa metafora yang bersifat orientasi. Hal ini menunjukkan mantera tersebut tidak mementingkan domain yang bukan ruang dalam pembacaan mantera.

### **AKAL BUDI MELAYU DALAM AKAL BUDI MELAYU DALAM MANTERA**

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014) akal budi bermaksud bukan sahaja mempunyai akal secara lahiriah tetapi menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa dan bijak mengungkapkan makna. Bagi mereka yang berfikir sebelum bercakap lazimnya mampu mengungkapkan sesuatu yang berfaedah, bernas dan sarat dengan maklumat yang ingin disampaikan. Akal budi yang terdapat dalam mantera boleh dijelaskan apabila seseorang pengkaji mampu untuk mengaplikasikan sesuatu pendekatan atau teori yang ampuh untuk melihat maksud dan falsafah yang tersirat dalam sesebuah mantera. Hal ini membuktikan bahawa wujudnya makna tersirat di sebalik mantera dan inilah dasar bagi pengkaji untuk memahami akal budi Melayu. Unsur bahasa yang tersirat ini telah menarik perhatian sarjana barat untuk terus mengkajinya meskipun terdapat banyak penggunaan bahasa tersirat seperti peribahasa, puisi dan mantera yang menjadi teras pemikiran masyarakat Melayu.

#### **Akal Budi Melayu dalam Mantera Berdasarkan Metafora Konsepsi Orientasi**

Penggunaan metafora dalam mantera begitu penting kerana ia boleh menimbulkan kekuatan yang luar biasa daripada apa yang sebenarnya. Dalam hal ini, metafora itu diperkuatkan dengan unsur magik untuk menjadikan mantera itu berkesan. Akal budi Melayu dalam mantera berdasarkan metafora konsepsi orientasi ditunjukkan dalam contoh data di bawah:

- i. *Tutupkan hati yang garang* (MS348, R1112, A4)

Penutur yang mengamalkan mantera tersebut berusaha menyeru kuasa ghaib untuk menolong penutur mantera dan mantera itu ditujukan kepada orang yang dikehendaki supaya perasaan benci itu hilang. Leksikal *garang* dalam mantera tersebut mewakili perasaan atau emosi yang marah dan benci. Manakala perkataan *tutupkan* itu merupakan satu tindakan menutup sesuatu benda supaya ianya tidak dapat dilihat. Setiap orang mempunyai keinginan untuk memikat hati seseorang yang disukai namun adakalanya orang yang disukai itu tidak memberikan tindak balas yang sewajarnya. Mantera ini dicipta untuk melembutkan hati orang yang tidak memberikan tindak balas yang sewajarnya kepada orang yang menyimpan perasaan terhadap seseorang tersebut.

Berdasarkan akal budi Melayu, seseorang yang mempunyai sifat *garang* ini mereka dikatakan mempunyai watak yang serius, tegas juga seorang yang bengis. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu mengamalkan mantera pemanis ini supaya dapat melembutkan hati orang yang mempunyai sifat negatif tersebut. Perkara ini boleh dikaitkan dengan peranan seorang bapa. Seorang bapa memainkan peranan besar dalam kehidupan berumah tangga. Golongan bapa seharusnya memainkan peranan sebagai pemimpin keluarga dengan penuh kasih sayang dan bukan dengan kekerasan sehingga menjarakkan hubungan antara bapa dengan anak. Berdasarkan contoh tersebut, nilai emosi *garang* itu ditolak dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga terhasilnya mantera pemanis. Mantera pemanis ini diamalkan untuk mengubah perasaan atau emosi seseorang daripada emosi yang negatif kepada emosi yang positif.

#### **Akal Budi Melayu dalam Mantera Berdasarkan Metafora Konsepsi Ontologi**

Akal budi Melayu mencerminkan impak perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan berbahasa. Perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang ini diterjemahkan dalam pelbagai rupa. Akal budi Melayu dalam mantera dilihat melalui metafora konsepsi ontologi. Metafora konsepsi ontologi merupakan pengkonseptualisasian benda yang abstrak seperti emosi, idea dan fenomena persekitaran yang menjadikannya seperti benda iaitu biasanya entiti, benda yang konkrit atau tempat. Akal budi Melayu dalam mantera berdasarkan metafora konsepsi ontologi ditunjukkan dalam contoh data di bawah:

i. *Seri pinang naik ke muka* (MS261, R830, A4)

Dalam masyarakat Melayu, penggunaan buah pinang dalam mantera pemanis tersebut merupakan perlambangan kepada keturunan yang baik, budi pekerti jujur serta memiliki darjat yang tinggi. Bersedia melakukan pekerjaan dengan hati terbuka dan bersungguh-sungguh. Perlambangan ini adalah berdasarkan kepada sifat pokok pinang tersebut yang tinggi, lurus ke atas serta mempunyai buah yang lebat dalam satu tandan. Berdasarkan khasiat yang terdapat pada buah pinang seperti buah pinang muda pula mampu melicinkan kulit serta menyerlahkan keserian pada wajah. Dalam konsep akal budi masyarakat Melayu, seri yang terdapat pada buah pinang diibaratkan mampu menaikkan seri di wajah seseorang untuk kelihatan cantik pada wajahnya dan baik budi pekerti serta akhlaknya. Seri pinang juga dianggap mempunyai satu kuasa yang dipercayai boleh memberikan semangat kepada seseorang untuk tampil yakin di khalayak ramai.

#### **Akal Budi Melayu dalam Mantera Berdasarkan Metafora Konsepsi Struktural**

Akal budi juga boleh dikatakan sebagai dua perkataan yang saling berpaut pada makna yang

mencerminkan kesopanan seseorang itu dalam menggunakan bahasa dan kebaikan seseorang manusia dalam berfikir dan bertingkah laku. Seterusnya, akal budi Melayu dilihat melalui metafora konsepsi struktural. Metafora konsepsi struktural merupakan metafora yang mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain. Akal budi Melayu yang terdapat dalam mantera melalui metafora konsepsi struktural dianalisis seperti di bawah:

i. *Gajah jantan akan badanku* (MS205, R633, A3)

Analisis akal budi berdasarkan data di atas menerangkan bahawa pengamal mantera tersebut menyatakan bahawa kekuatan dan kegagahannya seperti seekor gajah jantan. Gajah merupakan haiwan daratan yang terbesar di dunia. Dipercayai kehadiran haiwan ini telah wujud sejak sekian lama di muka bumi ini. Spesis gajah ini telah mula berkembang jutaan tahun dahulu. Pengamal mantera menggunakan haiwan gajah jantan sebagai lambang kekuatan dan kegagahannya kerana gajah jantan merupakan haiwan darat terbesar dengan ketinggian yang dapat mencapai empat meter dan berat lebih kurang 7,000 kilogram.

Di Malaysia, gajah merupakan haiwan yang tidak asing lagi kepada masyarakat setempat. Hal ini kerana, manusia dan gajah saling bekerjasama semenjak zaman dahulu. Selain itu, gajah turut dikaitkan dengan upacara keagamaan di negara-negara Asia yang lain seperti di India, gajah telah ditonjolkan di dalam bendera dan disembah sebagai dewa Ganesh. Di Thailand pula, gajah putih telah dipuja dan dianggap sebagai pemberi tuah. Kebanyakan gajah telah digunakan untuk menarik kayu balak di kawasan pedalaman. Berdasarkan ciri-ciri haiwan gajah ini jelas menunjukkan kekuatan dan kegagahan seekor gajah yang digambarkan dalam mantera tersebut. Akal budi masyarakat Melayu dapat mentafsir kekuatan dan kegagahan seekor gajah dan digambarkan seorang lelaki haruslah memiliki ciri-ciri seperti itu. Hal ini kerana seorang lelaki mempunyai tanggungjawab yang begitu berat sama ada dalam kelompok masyarakat mahupun dalam kelompok keluarga. Seorang lelaki merupakan ketua dan ketua haruslah memiliki ciri-ciri kegagahan untuk melindungi diri, keluarga serta orang bawahannya.

i. *Harimau buas akan sandarku* (MS205, R633, A4)

Analisis akal budi berdasarkan data di atas menerangkan bahawa pengamal mantera tersebut memberi perumpamaan yang begitu mendalam dengan menyatakan bahawa harimau buas itu merupakan tempat untuk pengamal mantera itu bersandar. Perumpamaan ini menunjukkan masyarakat Melayu khususnya orang lelaki memiliki sifat keberanian yang tinggi dan tidak gentar dengan sebarang ancaman. Sifat keberanian ini merupakan sifat yang disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu kerana sifat ini menunjukkan seseorang lelaki itu mampu untuk mempertahankan diri dan keluarga khususnya. Seperti contoh seorang bapa atau suami seharusnya mempunyai sifat berani untuk melindungi ahli keluarganya daripada sebarang ancaman luar yang boleh mengakibatkan keluarganya tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa. Masyarakat Melayu memberi perumpamaan sifat keberanian tersebut kepada seekor harimau kerana sifat yang dimiliki oleh harimau tersebut. Dalam kebudayaan masyarakat Asia, harimau merupakan simbol kekuasaan dan keberanian dan pernah digunakan sebagai petanda iaitu bertanggungjawab untuk melaksanakan hukuman bunuh. Dalam masyarakat Melayu pula, harimau dikaitkan dengan keberanian dan ketangkasan. Manakala dalam agama Buddha, pengikut Buddha menaiki harimau untuk menunjukkan keupayaan mereka untuk mengalahkan kuasa jahat. Berdasarkan sifat-sifat yang digambarkan dalam pelbagai budaya dan agama jelas menunjukkan bahawa keberanian seorang lelaki diibaratkan seperti keberanian seekor harimau. Hal ini termasuk juga dalam kalangan masyarakat Melayu yang mementingkan sifat keberanian untuk menentang kezaliman dan melindungi daripada sebarang ancaman.



## SKEMA IMEJ DALAM MANTERA

Bahagian ini membincangkan jenis skema imej yang terdapat dalam mantra yang dikaji. Skema imej adalah satu bentuk struktur konsepsi yang penting dalam semantik kognitif. Menurut Gibbs dan Steen (1997) dan Lakoff (1987) serta Lakoff dan Johnson (1980) telah mengemukakan konsep skema imej sebagai satu skemata pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat satuan-satuan yang koheran dan bermakna sifatnya.


Skema imej adalah pengalaman *gestalts* yang muncul melalui aktiviti sensorimotor semasa kita memanipulasi objek, mengoreintasi diri kita dalam ruang dan waktu serta mengarahkan fokus persepsi kita untuk pelbagai tujuan. Selain itu, skema imej juga adalah penyusunan pengalaman dalam bentuk imej dan disimpan dalam pemikiran manusia serta dapat dicapai untuk memahami atau menjelaskan konsep yang baharu. Pemetaan gambaran akal budi Melayu berdasarkan mantra melalui skema imej dihuraikan analisis datanya dalam bahagian ini.

### Skema Imej Bekas

Skema imej bekas menginterpretasikan pengalaman dalam bentuk sebuah bekas. Pemahaman manusia tentang konsep bekas ini membolehkan konsep abstrak itu difahami. Bekas pada kebiasaannya mempunyai sisi yang tertutup yang boleh digunakan untuk menyimpan sesuatu. Pengkonsepsian skema imej bekas dapat dilihat menerusi contoh data berikut:

- i. *Cahaya bintang di dadaku* (MS323, R1041, A3)
- ii. *Tutupkan hati yang garang* (MS348, R112, A4)

Frasa *di dadaku* dan *tutupkan hati* merujuk kepada ayat yang dikonsepsikan sebagai skema imej bekas. Pemahaman manusia tentang bekas adalah untuk menyimpan sesuatu. Jika dilihat dari sudut semantik kognitif, makna bagi hati dan dada itu merujuk kepada sebahagian daripada organ dalaman yang tertutup. Secara zahirnya tidak kelihatan kerana bentuknya yang abstrak. Skema imej bekas dapat dilihat menerusi Rajah 1.




RAJAH 1. Skema imej bekas *di dadaku* dan *tutupkan hati*

### Skema Imej Tatatingkat

Skema imej tatatingkat melibatkan konsep perhubungan turun naik. Contohnya seperti peningkatan suhu badan dan perbuatan mendaki gunung. Contoh data yang menyerlahkan ciri-ciri skema imej tatatingkat ini adalah seperti berikut:

- i. *Naik seri ke muka.*
- ii. *Seri bedak naik ke muka aku.*
- iii. *Seri sirih naik ke kening.*
- iv. *Seri pinang naik ke muka aku.*

Perkataan *naik* merujuk kepada sesuatu perkara berbentuk peningkatan. Dalam contoh data di atas, *seri* itu mengalami peningkatan apabila leksikal ini dijadikan teras untuk menjadikan wajah seseorang itu kelihatan cantik dan menarik perhatian orang sekelilingnya. Contoh data di atas diperoleh daripada mantera pemanis. Mantera tersebut adalah berkenaan dengan usaha pengamal mantera untuk sentiasa kelihatan cantik dan menarik.




RAJAH 2. Skema Imej Tatatingkat

### Skema Imej Daya

Skema imej daya pula melibatkan interaksi abstrak atau konkrit. Antara elemen-elemen yang terlibat adalah sumber dan sasaran daya, arah dan kuasa daya, serta pergerakan sumber dan sasaran. Skema imej daya dapat dikonsepsikan melalui contoh data di bawah:

- i. *Ombak beralun di lidahku* (MS288, R922, A13)

Leksikal *beralun* merujuk kepada satu pergerakan. Dalam data di atas, leksikal *beralun* dikonsepsikan kepada interaksi yang konkrit iaitu lidah. Daya sumber diwakili oleh ungkapan *ombak beralun*, manakala elemen sasaran merujuk kepada *di lidahku*. Leksikal *beralun* merupakan daya pergerakan secara lembut dan tidak kasar. Data di atas memberi maksud seperti lidah yang mengeluarkan kata-kata yang lembut dan sopan. Beralun diibaratkan seperti intonasi kata-kata itu dilontarkan.



RAJAH 3. Skema Imej Daya

### Skema Imej Pusat dan Pinggiran

Skema imej pusat-pinggiran melibatkan maklumat teras dan pinggiran, ianya juga bersifat abstrak atau konkrit. Contohnya dalam ruang lingkup persepsi seseorang individu atau berkaitan persekitaran sosial. Skema imej pusat dan pinggiran dapat dikonsepsikan melalui contoh di bawah:

- i. *Gajah jantan akan badanku* (MS205, R633, A3)

Dalam data di atas, leksikal *gajah jantan* merupakan maklumat pinggiran yang diberi perumpamaan kepada maklumat teras iaitu ungkapan *akan badanku*. Rajah 4 merupakan skema imej pusat dan pinggiran, iaitu untuk mengkonsepkan ungkapan *gajah jantan akan badanku* sebagai perumpamaan kepada kegagahan seorang lelaki yang diibaratkan seperti kekuatan dan kegagahan seekor gajah jantan.



RAJAH 4. Skema Imej Pusat dan Pinggiran

- ii. *Semut mengiring di bibirku* (MS287, R920, A4)

Dalam data di atas, ungkapan *semut mengiring* merupakan maklumat pinggiran yang diberi perumpamaan kepada maklumat teras iaitu ungkapan *di bibirku*. Rajah 5 merupakan skema imej

pusat dan pinggiran, iaitu untuk mengkonsepsikan ungkapan *semut mengiring di bibirku* sebagai perumpamaan kepada individu yang pandai bermain dengan kata-kata dalam pertuturan dan bermulut manis tetapi mempunyai maksud sebaliknya. *Semut* merujuk kepada seekor serangga yang sinonim dengan sesuatu yang bersifat manis seperti gula. *Semut mengiring* pula menunjukkan bilangan semut yang lebih daripada seekor dan dalam keadaan berkumpul. Merujuk kepada bilangan semut yang banyak pasti terdapat gula yang banyak di sesuatu kawasan. Apabila diterjemahkan maksud yang tersirat, secara fitrahnya apabila seseorang itu bermulut manis, pasti ada niat di sebaliknya. Seseorang yang bermulut manis digambarkan dalam mantera dengan memberi perumpamaan *semut mengiring di bibirku* oleh pengamal mantera. Oleh itu data tersebut dapat dikonsepsikan sebagai skema imej pusat dan pinggiran seperti dalam Rajah 5.



RAJAH 5. Skema Imej Pusat dan Pinggiran

### RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian sepertimana yang telah dinyatakan di bahagian awal kertas kerja ini. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini telah menghasilkan satu dapatan kajian seperti mana dalam bahagian penganalisan data bagi memenuhi sebahagian kelompongan kajian. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, ketiga-tiga jenis metafora konsepsi telah dapat dikenal pasti dalam data mantera Melayu yang telah dipilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa metafora konsepsi struktural mendominasi bilangan jenis metafora konsepsi dalam data mantera Melayu. Hal ini merujuk kepada ungkapan mantera yang terdapat dalam metafora konsepsi struktural yang kebanyakannya terdapat dalam mantera pemanis. Mantera pemanis digunakan oleh masyarakat Melayu dalam urusan pekerjaan. Bahasa yang digunakan dalam mantera pemanis yang berhubungkait dengan metafora terutamanya metafora konsepsi struktural iaitu dengan penggunaan bahasa yang banyak berstruktur dengan pengalaman hidup manusia. Pengalaman hidup masyarakat Melayu diterjemahkan dalam mantera dengan penggunaan bahasa yang bersifat metafora iaitu penggunaan metafora konsepsi struktural.

Berdasarkan penganalisan akal budi masyarakat Melayu berkaitan mantera pula, kebanyakannya terdiri daripada mantera pemanis, mantera pengasih dan mantera pembenci. Hal ini berikutan daripada aktiviti persampelan yang dijalankan semasa proses pemilihan data.

Berdasarkan analisis, didapati bahawa kebanyakan ungkapan mantera tersebut menggunakan bahasa metafora melibatkan unsur alam seperti binatang, bulan, bintang dan juga matahari. Unsur-unsur tersebut digunakan sebagai kiasan kepada anggota badan pengamal mantera supaya kelihatan kuat, gagah, berani, cantik dan menarik sama seperti unsur alam yang dikiaskan itu. Malah penggunaan unsur alam itu juga memberikan keyakinan dan merupakan satu syarat yang perlu ada pada diri pengamal atau orang yang berkaitan dengannya dalam menentukan keberkesanan mantera itu.

Dalam pembacaan mantera Melayu, banyak menggunakan kalimah *Lailahailallah*, *Muhammadur Rasulullah*, *Bismillahirrahmanirrahim*, Allah S.W.T, Malaikat, nabi Muhammad dan nabi-nabi yang menjadi lambang keislaman pengamal mantera tersebut. Penggunaan kalimah ini menjadi lambang gerbang keislaman dalam pembentukan sesebuah mantera. Hal ini kerana pengamal mantera Melayu yang beragama Islam menganggap tidak ada lagi kuasa lain yang dapat mengatasi kuasa Allah S.W.T dan malaikat-Nya. Oleh kerana ikatan keislaman itu, orang Melayu masih berpegang teguh pada konsep tradisi Islam dengan penggunaan kalimah-kalimah tersebut.

Selain itu, sebanyak empat jenis skema imej telah dikenal pasti iaitu skema imej bekas, skema imej tatatingkat, skema imej daya dan skema imej pusat dan pinggiran. Keempat-empat skema imej ini dapat dihasilkan berdasarkan penggunaan ungkapan metafora konsepsi yang tergambar dalam mantera Melayu yang dipilih. Perkaitan antara skema imej dan metafora juga membantu untuk mencungkil pemikiran pengamal mantera dalam pembacaan mantera tersebut. Pemikiran yang bercorak metafora adalah sangat penting terutamanya dalam penghasilan karya yang estetik. Perkaitan antara skema imej dan metafora mampu menjana transaksi baharu terhadap kajian mantera.

Skema imej dalam konsep ini merupakan struktur yang berulang dalam proses kognitif seseorang yang menetapkan corak pemahaman dan penaakulan. Skema imej terbentuk daripada interaksi tubuh manusia, pengalaman linguistik dan juga daripada konteks sejarah. Berdasarkan kajian ini, skema imej dilihat sebagai corak mental seseorang yang menyediakan pemahaman yang berstruktur dalam pelbagai pengalaman. Skema imej juga digunakan dalam metafora sebagai domain sumber untuk memberi kefahaman kepada pembaca atau pendengar berkenaan maksud yang ingin disampaikan.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1996. Metaphors of anatomy as a reflection of Malay cultural belief. *Jurnal Bahasa Jendela Alam, Jilid 1*, 7-29.
- Azlina Musa & Yusmilayati Yunos. 2011. Simptom-simptom penyakit dalam Main Teri: Satu kajian kes di kampung Pasir Mas Kelantan. *Jurnal Melayu* (8), 233-249.
- Black, M. 1962. *Models and metaphors*. Ithaca: Cornell University Press.
- Gibbs, R.W & Steen, G. J. (Peny.). 1997. *Metaphor in cognitive linguistic*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Haron Daud. 1999. Bahasa dalam mantera: Penggunaannya dan pengucapannya. *Jurnal Dewan Bahasa Mei*: 409-426.
- Haron Daud. 2004. *Ulit Mayang: Kumpulan mantera Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Herman J. Waluyo. 1987. *Teori dan aspirasi puisi*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Imran Ho. 2011. Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (Canis

- Familiaris). *GEMA Online™ Journal of Language Studies, Volume 11 (1)*, 125-141.
- Kittay, E. F. 1990. *Metaphor: Its cognitive force and linguistic structure*. Oxford: Claredon Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. 1980. *Metaphors we live by*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G. 1987. *Women fire and dangerous things: What categories reveal about the mind*. Chicago: Chicago University Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. 2012. Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif. *Gema Online™ Journal of Language Studies, Volume 12 (2)*, 457-473.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. Semantik dan Akal Budi Melayu. Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 4 April.
- Rusmadi Baharuddin. 2003. Pengendalian polisemi kata kerja di dalam kamus bahasa Melayu: Satu pendekatan linguistik kognitif. Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan, Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Shuaib. 1980. Bahasa Malaysia dan hubungannya dengan pemikiran orang-orang Melayu. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies, Volume 11(3)*, 31-51.

**Biodata Penulis:**

**Hawa Mahfuzah Rusidin**

Penulis merupakan pelajar Sarjana Sastera di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajiannya ialah semantik kognitif dan mantera Melayu.

**Zulkifley Hamid**

Penulis merupakan profesor di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau meliputi bidang psikolinguistik Melayu, pemikiran Melayu dan pendidikan bahasa Melayu.